



LEMBAGA JURUKUR TANAH MALAYSIA

(LAND SURVEYORS BOARD)

[Ditubuhkan di bawah Akta Jurukur Tanah Berlesen, 1958 (Disemak 1991) - Akta 458]

RUJUKAN TUAN:

RUJUKAN KAMI: **LJT 6 JLD.9 / (22)**

(SILA NYATAKAN RUJUKAN SURAT KAMI APABILA BERHUBUNG)

ARAS 5 - 7 WISMA LJT

LORONG PERAK

PUSAT BANDAR MELAWATI

53100 KUALA LUMPUR

No. Telefon: 03-41085191

No. Faksimili: 03-41085178

e-mail: secretary@ljt.org.my

laman web: www.ljt.org.my

23 Januari 2018

Semua Juruukur Tanah Berlesen

SURAT PEKELILING LEMBAGA JURUKUR TANAH MALAYSIA BILANGAN 1 TAHUN 2018

**PENJELASAN KEPADA PERANAN JURUUKUR TANAH BERLESEN BERHUBUNG
PELAKSANAAN *GENERAL CIRCULAR NO. 5/2017* OLEH LEMBAGA ARKITEK
MALAYSIA**

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan memberi penjelasan kepada semua Juruukur Tanah Berlesen yang terlibat dalam memberikan perkhidmatan dalam penyediaan pelan bagi memenuhi keperluan pemfailan jadual petak kepada Pesuruhjaya di bawah Akta Pengurusan Strata 2013 [Akta 757].

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Lembaga Arkitek Malaysia melalui General Circular No. 5/2017 telah menasihati semua Arkitek supaya memperolehi surat pengesahan untuk bertanggung jawab sepenuhnya di atas ketepatan maklumat yang dibekalkan di dalam pelan yang sediakan oleh Juruukur Tanah Berlesen sebelum pihak Arkitek dapat mengesahkan dokumen berkenaan.
- 2.2 Setelah meneliti arahan tersebut, Lembaga Juruukur Tanah Malaysia berpandangan bahawa adalah tidak sesuai bagi pihak Arkitek untuk mendapat sebarang surat pengesahan tambahan untuk bertanggung jawab ke atas tugas profesional seorang Juruukur Tanah Berlesen yang menjalankan kewajipan beliau kerana setiap profesional telah menyediakan perakuan dan bertanggung jawab bagi pihak masing-masing seperti di peruntukan di bawah Seksyen 6(3) (c) dan (d), Akta Pengurusan Strata 2013 [Akta 757].

3. PERANAN JURUUKUR TANAH BERLESEN

Dengan penguatkuasaan surat pekeliling ini mana-mana Juruukur Tanah Berlesen yang terlibat dengan penyediaan pelan untuk tujuan menfailkan jadual petak TIDAK WAJIB mengeluarkan sebarang surat pengesahan kerana tindakan sedemikian adalah bertentangan dengan peruntukan Seksyen 149, Akta Pengurusan Strata 2013 [Akta 757].


4. PELAKSANAAN

Pemakaian surat pekeliling ini adalah bagi kerja ukuran hakmilik strata yang dibuat berdasarkan Akta Hakmilik Strata (Pindaan) 2013 [Akta A1450] dan Akta Pengurusan Strata 2013 [Akta 757] selepas akta-akta tersebut dikuatkuasakan.

5. TARIKH BERKUATKUASA

Surat pekeliling ini berkuatkuasa bermula pada tarikh ianya dikeluarkan.

Dengan Arahan Lembaga Jurukur Tanah Malaysia.



(Sr ISMAIL BIN HARUN)
Setiausaha
Lembaga Jurukur Tanah
Malaysia

Salinan Kepada :

Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia

Presiden
Persatuan Juruukur Tanah Bertauliah
Malaysia

Presiden
Lembaga Arkitek Malaysia
Malaysia